

PANDUAN PROSES PINDAHMILIK TANAH

Diproses dalam tempoh 5 hari bekerja bagi permohonan yang lengkap.

DAPATKAN KEBENARAN
PINDAHMILIK TANAH

Bagi Tanah yang ada sekatan kepentingan perlu mengisi borang 44C (Permohonan Kelulusan Kebenaran Pindahmilik). Format borang untuk semua daerah adalah berbeza.

MENGISI BORANG 14 A DAN
BORANG PENILAIAN TANAH

Borang 14A yang sedia dicetak, atau ditaip di atas kertas putih biasa yang kuat dan tahan lama dan cukup licin untuk menghalang kabur dakwat, dan hendaklah berukuran lebar 420 millimeter dan panjang 297 milimeter. JADUAL KESEPULUH (SEKSYEN 436 KTN 1965)

PENTING!!!

SILA PASTIKAN TARIKH MENGHANTAR BORANG 14A TIDAK LEWAT 3 BULAN DARI TARIKH PENYAKSIAN.

DENDA AKAN DIKENAKAN SETIAP 3 BULAN MENGIKUT KADAR BAYARAN PENDAFTARAN SEHINGGA KADAR MAKSIMA 5 KALI DENDA. (seksyen 293(1)b KTN 1965).

RAYUAN PENGECUALIAN HANYA AKAN DIPERTIMBANGKAN SEKIRANYA KELEWATAN DARI PIHAK PENILAIAN.

DAPATKAN PENYAKSIAN
TANDATANGAN (BORANG 14 A)

Penyaksian Tandatangan Borang 14A oleh Pentadbir Tanah/Peguam:

- * Penyaksian bagi Tanah Simpanan Melayu hanya dihadapan Pentadbir Tanah sahaja.
- * Dokumen yang perlu dibawa:-
 - Hakmilik asal/carian rasmi
 - Kad pengenalan pemohon dan penerima,
 - Surat kebenaran permohonan pindahmilik.
- * Pemberi dan Penerima hendaklah hadir semasa penyaksian.

DAPATKAN NO RUJUKAN NOTIS
TAKSIRAN DARI UNIT DUTI SETEM

TERIMA NOTIS TAKSIRAN DARI
PEJABAT DUTI SETEM

Bagi nilai taksiran:

- Di bawah RM 500 - setem Hasil hendaklah dimatikan di Unit Duti Setem.
- RM 500 ke atas - Dibayar melalui 'Bank Deraf' kepada Timbalan Pemungut Duti Setem, di Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Klang.

BAYARAN PENILAIAN TANAH DI
UNIT DUTI SETEM/LEMBAGA HASIL
DALAM NEGERI

HANTAR BORANG 14A KE UNIT
PENDAFTARAN PEJABAT
TANAH/PEJABAT TANAH DAN
GALIAN SELANGOR MENGIKUT
MANA YANG BERKENAAN

Sila bawa bersama:

- DOKUMEN SEPERTI DI SENARAI SEMAK.